

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 3 JUN 2014 (SELASA)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	More than 1,000 experts convene at congress	New Straits Times
2	SIAPA BETUL?	Berita Harian
3	Analisis saintifik tak mampu selesai isu halal produk	Berita Harian
4	Coklat Cadbury sah tiada DNA babi	Kosmo
5	JAKIM sah dua coklat halal	Berita Harian
6	2 produk bebas DNA babi	Harian Metro
7	JAKIM sahkan tiada DNA babi	Utusan Malaysia
8	'Tanggung dosa besar kalau sembunyi maklumat sebenar'	Harian Metro
9	Ambil masa kembali yakini produk	Sinar Harian
10	Dua produk bebas DNA babi	Sinar Harian
11	Pihak berkuasa perlu selaras SOP selesai isu halal	Sinar Harian
12	Cadbury lega keputusan analisis	Utusan Malaysia
13	Cadbury lega isu selesai	Sinar Harian
14	Kementerian kesihatan pertahan keputusan ujian	Berita Harian
15	Seragam penilaian	Harian Metro
16	New test shows no sign of pig DNA	New Straits Times
17	Not easy to sue Cadbury	The Sun
18	Analisis Jabatan Kimia sahkan coklat Cadbury tiada DNA babi – Jamil Khir	Bernamea.com
19	Pengguna islam mahu prosedur penentuan produk halal diperhalusi	Bernamea.com
20	Water emergency plan	The Sun
21	Fire Department needs RM70m more for El Nino period	The Malay Mail
22	Program pembangunan usahawan ECER Berjaya tingkatkan taraf ekonomi usahawan di Terengganu	Bernamea.com
23	TPM biotech tambah kapasiti analisis halal	Berita Harian

24	TPM Biotech sedia tambah kapasiti dalam analisis halal	Bernama.com
25	Malaysia ada potensi jadi hab biogas Asia	Berita Harian
26	Biogas sumbang RM20 bilion kepada KDNK	Utusan Malaysia
27	High growth potential in biogas industry	New Straits
28	From wate to energy	The Star

KERATAN AKHBAR  
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT B3  
TARIKH : 3 JUN 2014 (SELASA)

# MORE THAN 1,000 EXPERTS CONVENE AT CONGRESS



**MORE** than 1,000 experts from over 40 countries representing diverse fields of research and innovation are here to deliberate on issues related to sustainable future at the World Engineering, Science & Technology Congress (ESTCON2014).

In conjunction with ESTCON2014, the organiser, Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), has planted 121 trees at ESTCON Park in UTP in an effort to reduce carbon footprint.

UTP vice-chancellor Datuk Dr Abdul Rahim Hashim said carbon dioxide emission is one of the major contributors to rapid climate changes.

"The trees will contribute in a small manner to reduce carbon dioxide emission and greenhouse gases.

"It will also help to safeguard biodiversity and ecology for future generations and thus create a more sustainable future," he said in a statement.

For the event in 2010 and 2012, a total of 460 trees were planted at the UTP campus.

The trees planted this year were sponsored by the university's staff and students.

The sponsorship was also channelled to Yayasan Universiti Teknologi Petronas (YUTP) Bursary Fund to provide a financial aid of RM300,000 per semester for UTP students.

The congress, organised by UTP, with the support of the Ministry of Education, Ministry of Science, Technology and Innovation, Agensi Inovasi Malaysia, KPerak Implementation & Coordination Corporation and YUTP, has worked on the Carbon Offset Project (COP) to offset carbon emissions that were produced during ESTCON.

According to UTP, ESTCON2014 is the largest congress in the world with nine simultaneously-held international conferences, namely International Conference on Integrated Petroleum Engineering & Geosciences, International Conference on Civil, Offshore & Environmental Engineering, International Conference on Production, Energy and Reliability, International Conference on Process Engineering and Advanced Materials, International Conference on Intelligent and Advanced System, International Conference on Computer & Information Sciences, International Conference on Fundamental and Applied Science, International Conference on Leadership and Management and International Conference on Humanities and Social Sciences.

Themed "Engineering, Science, Technology and Humanities: Convergence for a Sustainable Future", ESTCON2014, which starts today, will end on Thursday. It is being held at the



In conjunction with ESTCON2014, Universiti Teknologi PETRONAS planted 121 trees at the ESTCON Park

Kuala Lumpur Convention Centre.

The congress serves as a platform for knowledge sharing, intellectual discussions and networking on various areas of interest for academics, researchers, scientists, engineers and industry experts.

According to the ESTCON2014 website, Education Minister II Datuk Seri Idris Jusoh will officiate at the congress, while the closing ceremony will be officiated by Deputy Science, Technology and Innovation Minister

Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah on Thursday.

The keynote speakers will be Paul Komor, who is the Energy Education director at the Renewable and Sustainable Energy Institute (RASEI) in the United States and Prof Zaini Ujang, the Secretary General II of Ministry of Education.

Komor, who is also a lecturer in Environmental Studies Programme at the University of Colorado Boulder, has an active research programme in renew-

able electricity policy, and teaches undergraduate and graduate courses in energy technology and policy.

Zaini, meanwhile, is a professional environmental engineer-cum-scientist who integrates studies on water ecology with engineering systems towards pollution control and sustainability, especially with reference to river rehabilitation in developing countries. He has registered more than 20 intellectual property rights and published over 250 technical papers and 27 books.

# SIAPA BETUL?

» JAKIM sahkan dua produk coklat Cadbury tidak mengandungi DNA babi

// Keputusan JAKIM bertentangan dengan Kementerian Kesihatan 31 Mei lalu yang menemui DNA babi dalam coklat Cadbury Dairy Milk Hazelnut dan Cadbury Dairy Milk Roast Almond

// Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata JAKIM hanya mengiktiraf makmal **Jabatan Kimia** di Petaling Jaya bagi tujuan pengesahan DNA babi

// Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata keputusan berbeza mungkin kerana menggunakan sampel coklat dari dua lokasi berlainan

# Analisis saintifik tak mampu selesai isu halal produk

Pelaksanaan pensijilan berlandas prinsip syariah masih longgar

**D**eretan isu halal sebenarnya masih tiada penghujung walaupun Malaysia terkenal sebagai perintis pensijilan halal dunia. Jika kita menyusun semula persoalan DNA babi dalam makanan secara khusus, ia boleh jadi satu koleksi kajian ilmiah dan mungkin juga indeks cerita yang disukai ramai.

Masyarakat pengguna terutama orang Islam sadar atau tidak, sebenarnya isu-isu ini sering kali timbulnya adalah daripada produk import atau jenama antarabangsa. Namun, apakah kes DNA babi ini juga berlaku pada produk tempatan?

## Isu DNA babi

Isu DNA babi dalam dua produk coklat Cadbury yang sedang rancak dibualkan beberapa hari ini adalah susulan keputusan makmal Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dihebahkan secara tidak berintegriti melalui media massa. Kita tidak pasti sejauh mana wibawa sampel yang diambil untuk dijadikan rujukan dan sekali gus ia mengheret kepada pelbagai pertikaian hatta menyerlahkan kejahilan sesetengah pihak dalam memahami Syariah.

Persampelan yang berwibawa bukannya bergantung kepada sampel yang dibawa oleh pengadu atau diambil begitu sahaja kemudian diserahkan kepada awam begitu mudah. Sampel yang berwibawa mestilah diambil dari kilang pengeluaran, di pasaran dan pengguna sendiri. Sampel itu disimpan pengeluaran dan badan yang mempunyai kuasa. Pengurusan dan pengawasan sampel perlu mengikut prosedur yang sangat ketat untuk mengelakkan daripada sebarang gangguan atau tercemar.

Makmal pula hendaklah diakreditasi terlebih dahulu dan mengikut skop kepakaran serta kelengkapan peralatan diiktiraf. Dalam amalan analisis pengujian sampel, tidak semua makmal mampu melakukan pengujian bagi semua bentuk sampel. Skop yang ditentukan mengikut keperluan produk yang menyentuh kimia, lemak, minyak, DNA dan barangan gunaan.

Apakah makmal yang digunakan khusus untuk analisis DNA sahaja, atau hanya sekadar bertenggek dengan kerja-kerja sedia ada? Contohnya, makmal untuk uji kaji daging atau ayam, tiba-tiba digunakan untuk



Pengiktirafan halal oleh JAKIM jadi panduan umat Islam dalam memilih produk halal.

analisis makanan seperti kes coklat ini? Inilah yang menjadi persoalan dalam keabsahan penentuan fakta DNA babi yang sering kali diperkatakan. Dalam perkara ini, KKM hanya menyatakan penemuan DNA babi sahaja, bukannya masalah hukum halal haram. Kuasanya memang jelas di bawah Akta Makanan 1983.

Melalui penemuan itu yang sampai kepada orang awam terutama pengguna Islam, tanpa berfikir panjang menjadi sungguh berang dan mereka rasa tertipu terhadap logo halal rasmi yang mengesahkan halal terhadap produk kepercayaan mereka.

Berkaitan dengan isu halal, JAKIM/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) menggunakan khidmat analisis dari makmal Jabatan Kimia Malaysia (JKM) yang mempunyai unit khusus bagi pengujian produk halal/haram. Hakikatnya, isu ini bukan orang Islam sahaja yang terganggu, malah sebahagian dalam kalangan orang bukan Islam seperti pengamal vegetarian, Kristian Katolik dan sudah tentu pniaga sendiri.

Dari aspek hukum Islam pula, halal hanyalah salah satu hukum dalam syariah yang wajib dipatuhi semua umat Islam. Dalam nas al-Quran sangat jelas dan begitu serius dipandang oleh fuqaha' yang mengharamkan sebarang penggunaan sumber yang datang dari babi yang tergolong di bawah najis Mughallazah.

Namun, isu yang sering kali diperdebatkan secara emosi sehingga hari ini ialah, apakah dakwaan penemuan DNA babi itu benar-benar mewakili kewujudan objek atau zat yang datang daripada babi? Contohnya lemak, minyak, daging, susu atau ramuan campuran yang benar-benar datang daripada haiwan berkenaan.

Mungkin juga DNA babi itu hanya wujud disebabkan berlakunya pencemaran, seperti sentuhan manusia, peralatan yang digunakan, pembawa-

an udara, bungkus yang digunakan dan sebarang kemungkinan yang mudah berlaku. Justeru, adalah menjadi tanggung jawab pihak penganalisis membuktikan dua perkara itu yang bukan hanya bergantung dengan penemuan DNA.

Adakah saintis kita mampu membezakannya? Jika penemuan DNA babi mampu dibuktikan sebagai mewakili kewujudan objek babi, maka barulah boleh dikatakan najis hissi, maka sudah pastilah haram seperti yang dibimbangi oleh masyarakat Islam.

## Penemuan DNA babi sebagai najis hukmi

Namun, jika penemuan itu sekadar menemui DNA babi dan bukan mewakili objeknya, ia adalah suatu pencemaran yang mungkin boleh dikatakan sebagai najis hukmi. Konsep ini tidak ada dalam kamus sains moden dan kaedah analisis makmal. Inilah yang akan diperjelaskan kepada orang awam yang sudah rasa tertipu dan

Umat Islam perlu berhati-hati memilih produk coklat bagi




Umat Islam perlu peka dalam memilih premis menjual makanan.

(GAMBAR HIASAN)



DR LOKMAN  
AB RAHMAN

**KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 33  
TARIKH : 3 JUN 2014 (SELASA)**



berasa emosi sering kali dipermainkan.

Dalam hal ini, JAKIM terikat dengan Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 yang menyatakan jelas tentang terma hukum Syarak, mazhab dan fatwa. Inilah perkara pokok yang harus dijadikan rujukan dalam menyelesaikan isu ini kerana halal merujuk kepada sumbernya, iaitu Syariah.

Langkah menangani isu ini dengan hanya bergantung sepenuhnya kepada kaedah sains moden hanya berakhir dengan kebuntuan.

Dalam amalan perundangan Syariah, DNA bukanlah sebagai bukti syahadah, tetapi ia adalah qarimah. Kebanyakan tokoh fiqh bersetuju DNA hanyalah faktor pembantu kepada penerangan bukti, bukannya faktor penentu bukti.

Secara khususnya Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia kali ke-96 telah membahaskan dan membuat keputusan pada Oktober 2011 tentang pencemaran babi ini. Muzakarah itu telah mengharuskan bagi umat Islam mengambil makanan atau minuman yang tercemar DNA babi yang tidak disengajakan dengan

syarat telah dibuat kajian secara terperinci sebelum itu bahawa semua ramuan, kandungan dan cara pemrosesannya telah disahkan sebagai suci dan halal.

Bagi peralatan yang telah disamak dan masih didapati DNA babi juga tidak perlu diulang sekali lagi sekalipun masih kedapatan DNA babi. Keputusan ini dibuat berdasarkan ruh Syariat Islam yang tidak mentaklifkan sesuatu di luar kemampuan manusia yang membebaskan. Fatwa ini telah diwartakan di Selangor pada 27 Disember 2012.

Dalam pelaksanaan pensijilan halal Malaysia, sebenarnya semua bahan mentah dan ramuan mestilah diisytihar dan dipastikan halal secara telus seperti dikehendaki fatwa berkenaan. Secara tuntasnya, ia telah dinyatakan di beberapa klausa yang terkandung dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Kedua).

Jika ada yang kritikal, sampel perlu dikemukakan untuk dianalisis oleh makmal bagi membantu supaya bahan mentah dan ramuan jelas dapat dikesan.

Dalam isu membabitkan pembua-

tan coklat, perkara yang kritikal dalam penentuan halal antaranya ialah seperti emulsifier, cocoa butter, refined lactose dan milk powder. Manual itu juga telah mensyaratkan pengauditan dijalankan oleh Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pegawai Teknikal dalam bidang yang berkaitan.

Malah, semua pegawai Sains yang dipinjamkan ke Bahagian Hal Halal, JAKIM adalah pegawai dari KKM. Ini menunjukkan betapa ketat dan teliti sehingga dua disiplin ilmu disepadukan dalam penentuan halal di Malaysia.

**Penyewengan, penipuan sijil halal**

Jika semua ini dipatuhi tidak timbul lagi sebarang penyewengan dan penipuan dalam pensijilan halal. Jika berlaku juga tidak patuh Syariah bermakna kemungkinan kegagalan memeriksa mengesan ramuan yang kritikal, atau pemegang sijil halal itu sendiri tidak telus dalam mengisytiharkan semua bahan mentah dan ramuan sejak awal lagi.

Sedangkan sudah sekian lama JAKIM/JAIN mensyaratkan perlu diwu-

judkan Sistem Jaminan Halal. Apatah lagi Cadbury adalah sebuah syarikat yang bertaraf multinasional yang sudah lama menjadi pemegang sijil halal Malaysia sejak sekian lama sudah tentu mempunyai Jawatankuasa Halal Dalamam yang tersendiri.

Kemungkinan lain seperti dalam kes pemantauan terhadap pemegang sijil yang ditemui JAKIM/JAIN ialah syarikat pengeluar mengubah atau menambah bahan lain tanpa memaklumkan pada JAKIM untuk disahkan terlebih dahulu.

Perkara ini sering berlaku terutama apabila pihak syarikat mendapatkan bekalan sumber yang paling murah. Namun, adalah tidak logik mana-mana syarikat yang terkenal dan mendapat kepercayaan pengguna sengaja menggunakan sesuatu yang haram akhirnya menghancurkan perniagaannya!

**Eksekutif Halal terlatih**

Sepatutnya yang dipertanggungjawabkan dalam kalangan syarikat pemegang sijil halal, perlu adanya Eksekutif Halal (EH) yang terlatih berlatarbelakangkan Pengajian Islam. Mereka akan dibantu pegawai Quality Assurance (QA)/Quality Control (QC) atau eksekutif teknikal yang berada dalam syarikat.

Namun, keperluan EH telah diperincikan dalam Manual Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Kedua). Persoalannya adakah EH yang ada di syarikat pemegang sijil halal yang ada di industri kini benar-benar berlatar belakang Pengajian Islam atau hanya tangkap muat?

Ramai yang menjadi EH, tetapi bukan dalam kalangan mereka yang terlatih dalam Pengajian Islam. Di sini satu lagi kesilapan kerana membiarkan dan membenarkan mana-mana eksekutif yang jahil bidang syariah diberi amanah untuk mengurus hal ehwal halal.

Malah, ia boleh dilihat sebagai jenayah ilmu kerana tidak menghormati ikhtisas. Maka tiada jaminan halal terhadap pengesahan dibuat melalui mekanisme dalaman berteraskan syariah.

Syarikat pemegang sijil halal hendaklah menubuhkan jawatankuasa halal dalaman yang terdiri Eksekutif Syariah seperti yang dilakukan oleh institusi kewangan Islam masa kini. Ini adalah mustahil bagi JAKIM/JAIN untuk mampu mengawasi setiap premis yang disahkan halal jika tiada sistem jaminan halal dalaman yang aktif di bawah seliaan Eksekutif Syariah yang terlatih.

Apa yang berlaku terhadap industri halal hari ini kebanyakannya bergantung sepenuhnya pengesanan dan pemantauan JAKIM/JAIN seolah-olah syarikat halal di Malaysia sebagai anak syarikat kerajaan. Di mana tanggung jawab industri pengeluar produk halal dalam hal ini?

Untuk memastikan isu seperti ini tidak terus berulang, JAKIM/JAIN hendaklah bertegas bahawa segala pelaksanaan pensijilan mestilah melihatnya pada prinsip syariah dalam segala operasi bukan sekadar pada definisi.

**Penulis**  
ialah Presiden Persatuan Eksekutif Halal Malaysia (PEHIMA)

KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 1 & 2  
TARIKH : 3 JUN 2014 (SELASA)

Analisis Jabatan Kimia dapati produk Cadbury bebas DNA babi

JABATAN Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengumumkan bahawa analisis Jabatan Kimia terhadap kedua-dua produk coklat susu Cadbury (gambar) mendapati produk tersebut adalah bebas daripada Asid Deoksiribonukleik (DNA) babi.

Perkara itu diumumkan oleh

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom semalam yang menyatakan semua 11 sampel yang diuji meliputi bahan mentah dan produk akhir didapati tidak dicemari DNA babi.

LAPORAN DI MUKA 2



Jabatan Kimia uji 11 sampel meliputi bahan mentah sehingga ke produk akhir

# Coklat Cadbury sah tiada DNA babi

Oleh NURUL ANUAR KARI  
berita@kosmo.com.my

BANGI - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengumumkan kesemua sampel coklat yang diambil dari kilang coklat Cadbury Confectionary (M) Sdn. Bhd., minggu lalu bebas daripada sebarang asid deoksiribonukleik (DNA) babi (porcine).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, sebanyak 11 sampel yang diuji Jabatan Kimia itu meliputi bahan mentah dan produk akhir termasuk dua jenis coklat susu Cadbury yang dikatakan dicemari DNA babi sebelum ini.

"Sampel coklat susu dengan kacang hazel (Cadbury Dairy Milk Hazelnut) dan coklat susu dengan buah badam (Cadbury Dairy Milk Roast Almond) yang kita uji datang dari kelompok sama dengan yang diuji oleh Kementerian Kesihatan sebelum ini.

"Perbezaan keputusan ujian ini mungkin disebabkan makmal mereka tiada akreditasi untuk memeriksa DNA babi ataupun berlaku pencemaran ketika pengangkutan dan penyimpanan produk tersebut dalam pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK) dan Penyerahan Surat Tawaran Geran Tahunan (Malaysia Development Bhd. (IMDB)-Jakim 2014 di Institut Latihan Islam Malaysia di sini semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha dan Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Mohd. Roslan Mahayudin.

Kementerian Kesihatan pada 24 Mei lalu mengumumkan penemuan DNA babi dalam sampel produk coklat Cadbury Dairy Milk with Hazelnut bernombor kelompok (batch no) N0200813M01H 12

Perbezaan keputusan ujian ini mungkin disebabkan makmal mereka tiada akreditasi untuk memeriksa DNA babi ataupun berlaku pencemaran ketika pengangkutan dan penyimpanan produk tersebut dalam pasaran

DATUK SERI JAMIL  
KHIR BAHAROM



JAMIL KHIR (tengah) bersama Othman (kiri) dan Mohd. Roslan pada sidang akhbar mengenai hasil ujian Jabatan Kimia terhadap coklat Cadbury di Bangi semalam.



SEORANG petugas sebuah pasar raya menarik semula penjualan coklat Cadbury di Kuala Lumpur pada 24 Mei lalu.

bertarikh luput 13 November 2014 dan Cadbury Dairy Milk with Almond (221013NOIR II bertarikh luput 15 Januari 2015).

Ini menyebabkan dua jenis coklat tersebut ditarik semula dari pasaran dan diboikot umat Islam sementara beberapa pertubuhan

bukan kerajaan (NGO) mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat tersebut.

Dalam pada itu, Jamil Khir menjelaskan, keputusan analisis Jabatan Kimia itu menunjukkan produk keluaran Cadbury masih mematuhi syarat sijil halal dan jika

Hasil analisis Kementerian Kesihatan terhadap dua sampel jenama terkemuka itu

## Coklat Cadbury ada DNA babi



KERATAN Kosmo! 25 Mei 2014.

Jakim gantung sijil halal dua produk coklat

tiada masalah lain boleh dijual semula serta dimakan umat Islam. "Perlu ditegaskan hanya Jakim boleh isytihar sesuatu produk komersial halal atau haram dan hanya keputusan analisis Jabatan Kimia yang boleh digunakan untuk tindakan mahkamah selaku jabatan standard untuk mendapatkan sijil halal," tegasnya.

Menurut beliau, laporan menyeluruh itu akan dibentangkan dalam Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Malaysia sebelum Sijil Pengesahan Halal Malaysia dua produk tersebut dikembalikan.

Sebelum ini, Jakim menggantung sijil halal dua produk tersebut kerana disyaki dicemari

DNA babi.

"Selepas ini kita akan selaras dengan agensi-agensi lain dan membincangkan strategi penguurusan krisis sekiranya ada produk dikesan pencemaran DNA babi, kerajaan tiada hasrat untuk melindungi sesiapa kerana tanggungjawab menanggung dosa besar dalam isu makanan halal ini amat berat," ujarnya.

Orang ramai yang mempunyai pertanyaan atau keliru berhubung isu halal boleh menghubungi Hub Halal Jakim di talian 03-8892 5048, 03-8892 5078, 03-8892 5032 atau 03-8892 5031.

SUSULAN KES 2 COKLAT ADA DNA BABI

# JAKIM sah dua coklat halal



Jamil Khir bersama Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha melihat keputusan yang dikeluarkan makmal Jabatan Kimia untuk dua produk coklat Cadbury pada sidang media di Bangi, semalam. (FOTO AIZUDDIN SAAD/BH)

## » Ujian Jabatan Kimia terhadap sampel produk tak temui unsur haram

Oleh Haika Khazi  
mfaizul@bh.com.my

► Bangi

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengesahkan coklat Cadbury Dairy Milk Hazelnut dan Cadbury Dairy Milk Roast Almond halal untuk dimakan oleh umat Islam kerana tidak mengandungi DNA babi.

Ia berdasarkan ujian oleh Jabatan Kimia terhadap sampel produk sama yang diambil terus daripada kilang di Shah Alam pada 26 Mei lalu walaupun makmal Kementerian Kesihatan sebelum ini menemui DNA babi dalam produk berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, ketika mengumumkan semalam berkata walaupun ada banyak makmal, JAKIM hanya mengiktiraf makmal Jabatan Kimia di Petaling Jaya bagi tujuan pengesahan penemuan DNA babi.

"Keputusan yang diterima daripada Jabatan Kimia pagi ini (semalam) mendapati ke-

dua-dua sampel yang diambil JAKIM itu adalah jenis Roast Almond dengan nombor kelompok (batch no) 221013 N01R11 dan jenis Hazelnut dengan nombor kelompok 200813 M01H12, negatif DNA babi dan halal dimakan.

"Ujian makmal Jabatan Kimia terhadap empat sampel produk lain dan lima bahan mentah berpotensi mengandungi unsur haiwan dalam rantaian pemrosesan sama juga didapati tiada DNA babi," katanya pada sidang media khas mengenai isu itu semalam.

Pada 24 Mei lalu, JAKIM menggantung sijil pengesahan halal dua produk coklat Cadbury selepas disahkan oleh Kementerian Kesihatan mengan-

dungi DNA babi (porcine), berkuat kuasa serta-merta.

Ia susulan pengesanan DNA Porcine dalam dua sampel coklat Cadbury, iaitu coklat susu dengan kacang hazel - Cadbury Dairy Milk Hazelnut dengan nombor kelompok (Batch no) 200813 M01H12 dan coklat susu dengan buah badam - Cadbury Dairy Milk Roast Almond dengan nombor kelompok (Batch No) 221013 N01R, tarikh luput 15 Januari 2015.

### Makmal kompeten

Jamil Khir berkata, makmal Jabatan Kimia diwartakan sebagai makmal makanan yang kompeten dalam menganalisis makanan, selain mendapat akreditasi Jabatan Standard

Malaysia di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia berdasarkan Standard MS ISO/IEC 17025: 2005 bagi pengujian DNA, termasuk pengujian produk makanan terproses.

Namun, Jamil Khir tidak menolak kemungkinan sampel yang dianalisis oleh makmal Kementerian Kesihatan bukan diambil terus dari kilang dan dicemari DNA babi sama ada ketika proses penyimpanan dan pengantaran.

"Pencemaran mungkin boleh berlaku daripada peti ais. Malahan, kalau seseorang makan makanan yang ada unsur DNA babi dan kemudian bersin di hadapan makanan lain, makanan itu juga boleh tercemar dengan DNA babi," katanya.

Namun, beliau menegaskan kerajaan tidak berhasrat melindungi sesiapa dan tidak pernah menyembunyikan status sebenar kerana tidak mahu menanggung dosa.

### Pemeriksaan menyeluruh

Katanya, laporan pemeriksaan menyeluruh akan dibentangkan sebelum Sijil Pengesahan Halal Malaysia dua produk itu dikembalikan.

Orang ramai yang mempunyai pertanyaan berhubung isu halal boleh menghubungi pegawai Bahagian Halal JAKIM, Nadia Zamil Md Nasir (03-8892 5048), Najibah Abdul Mutalib (03-8892 5078), Mazlina Jalani (03-8892 5032) dan Fakarudin Mas'od (03-8892 5031), mulai 10 pagi hingga 4 petang.



Keratan akhbar BH pada 30 Mei lalu.



ISU STATUS HALAL CADBURY

# 2 produk bebas DNA babi

Oleh Hayati Ibrahim  
ya\_t@hmetro.com.my  
Putrajaya

**D**ua produk keluaran Cadbury Confectionery (M) Sdn Bhd (Cadbury) iaitu coklat susu dengan kacang hazel (Cadbury Dairy Milk Hazelnut) dan coklat susu dengan buah badam (Cadbury Dairy Milk Roast Almond) disahkan bebas DNA babi dan halal dimakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, keputusan itu diperoleh selepas sampel kedua-dua berkenaan dianalisis makmal Jabatan Kimia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di Petaling Jaya, Selangor iaitu makmal mendapat akreditasi mengesan DNA babi.

Katanya, kedua-dua sampel produk berkenaan daripada kelompok sama dengan mempunyai DNA babi sebelum ini iaitu 200813 M01H12 dan 200813 M01H12 bagi coklat susu dengan kacang hazel dan kelompok 221013 N01R11 bagi coklat susu dengan buah badam.

"Sampel dianalisis diambil terus dari kilang pengeluaran di Seksyen 16, Shah Alam, Selangor, manakala makmal yang menganalisis diberi akreditasi oleh kerajaan untuk menguji kehadiran DNA babi.

"Selain dua sampel itu, JAKIM turut mengambil empat produk lain dalam aliran pemrosesan sama dan lima jenis bahan mentah yang berpotensi mengandungi unsur haiwan," katanya pada sidang media di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, dekat sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah JAKIM Datuk Othman Mustapha dan Pengarah Penguat Kuasa Kementerian



JAMIL Khir (kanan) bersama Othman meneliti keputusan makmal MOSTI.

dirian atau individu untuk dikaji di makmal lain selain milik Jabatan Kimia di Petaling Jaya mempunyai ruang untuk tercemar sama ada dalam perjalanan, simpanan atau percampuran.

"Tetapi sampel yang diuji JAKIM diambil terus dari kilang dan dihantar ke makmal. Kita tak ambil sampel dari tempat lain termasuk kedai atau pasar raya," katanya.

**"Status penggantungan sijil halal Cadbury akan dibincang dan jika tiada halangan diberi semula"**

Jamil Khir Baharom

Pada masa sama, Jamil Khir berkata, pemeriksaan menyeluruh akan dibuat semula ke atas

seluruh rantaian pengeluaran produk Cadbury merangkumi bahan mentah, aliran pemrosesan, penyimpanan dan peralatan bagi memastikan syarikat benar-benar mematuhi piawaian pensijilan halal Malaysia.

Menurutnya, JAKIM juga akan mengadakan mesyuarat bersama agensi berkaitan bagi membincangkan strategi pengurusan krisis sekiranya berlaku pengesanan DNA dalam sesuatu produk makmal mana-mana agensi kerajaan pada masa akan datang.

"Dalam masa terdekat ini, saya juga akan mengemukakan mesyuarat khas Jawatankuasa Pemandu Halal dianggotai pelbagai agensi dan pakar berkaitan halal bagi membincangkan isu halal secara menyeluruh.

"Selain itu, JAKIM akan merangka program kesedaran pengguna Islam bagi menjelaskan mengenai pensijilan Halal Malaysia dan isu hukum DNA babi dan kesan terhadap penggunaannya," katanya.

## Cadbury tunggu laporan rasmi

**Kuala Lumpur:** Syarikat Cadbury Confectionery (M) Sdn Bhd masih menunggu laporan rasmi daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengenai status kandungan dua produknya yang diumumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom, bebas DNA babi.

Ketua Unit Hal Ehwal Korporatnya Raja Zalina Raja Safran berkata, pihaknya hanya boleh me-

mutuskan tindakan seterusnya selepas mendapat laporan sepenuhnya daripada JAKIM.

"Kita (Cadbury) belum mempunyai kuasa mengarahkan penjualan semula produk selagi belum mendapat kata putus daripada JAKIM.

"Bagaimanapun, pihak kami gembira dengan pengumuman dikeluarkan JAKIM mengenai status halal dua produk Cadbury yang menjadi isu hangat

kini," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam. Katanya, kini pengguna boleh menikmati kelazatan produk syarikat produk berkenaan tanpa perlu ragu-ragu mengenai status halal dikeluarkan JAKIM sendiri.

"Kita sentiasa mempraktikkan standard tertinggi dalam pelabelan produk dan terbukti kali ini apabila produk Cadbury bebas DNA babi," katanya.

Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Mohd Roslan Mahayudin.

Sehubungan itu, Jamil Khir berkata, status penggantungan sijil halal Cadbury akan dibincang semula dan jika tiada halangan ia diberi semula.

"Tetapi, kita akan membuat pemeriksaan menye-

luruh di kilang berkenaan untuk memberi lebih keyakinan kepada pengguna, sebelum menyerahkan kembali sijil halal.

"Laporan pemeriksaan menyeluruh akan dibentangkan semula dalam Mesyuarat Panel Pengesanan Halal Malaysia sebelum sijil pengesanan halal Malaysia untuk kedua-dua produk itu

dikembalikan," katanya.

Beliau berkata, kehadiran DNA babi dalam sampel kedua-dua produk berkenaan sebelum ini mungkin disebabkan pencemaran sama ada di tempat jualan atau dalam perjalanan dihantar untuk diuji sama ada secara sengaja atau sebaliknya.

"Kadangkala sampel yang dihantar oleh pihak persen-

## Dua sampel produk coklat keluaran Cadbury diambil terus daripada kilang Jakim sahkan tiada DNA babi

Oleh SITI AIRUNNISA ALAUI  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 2 Jun - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengesahkan dua sampel produk coklat keluaran syarikat Cadbury Confectionary (M) Sdn. Bhd. (Cadbury) yang diambil terus daripada kilang syarikat itu dikesan tidak mengandungi Asid Deoksiribonuklik (DNA) babi (*porcine*).

Produk berkenaan adalah coklat susu dengan kacang hazel (*Cadbury Dairy Milk Hazelnut*) dan coklat susu dengan buah badam (*Cadbury Dairy Milk Roast Almond*).

Perkara itu dimaklumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom selepas keputusan ujian yang dijalankan terhadap dua sampel coklat berkenaan diterima pagi ini.

"Pada 26 Mei lalu, kita telah menghantar sampel dua coklat yang diambil daripada kilang Cadbury dan terus dihantar ke makmal di Ibu Pejabat

Jabatan Kimia di Petaling Jaya. Makmal itu adalah yang telah akreditasi Jakim untuk menguji DNA babi dan keputusannya adalah tiada DNA babi dikesan dalam dua produk berkenaan dan halal dimakan umat Islam.

"Kedua-dua sampel yang dihantar kepada makmal kimia itu telah

diambil dalam kumpulan dan nombor kod sama seperti dianalisa oleh Kementerian Kesihatan sebelum ini yang dikatakan terdapat DNA babi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Ujian Penulisan Kelas KAFA (UPKK) dan Penyerahan Surat Tawaran Geran Tahunan 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) - Jakim 2014 di Institut Latihan Islam Malaysia di Bangi hari ini.

Sebelum ini, umat Islam di negara ini dikejutkan dengan pen-



JAMIL KHIR BAHAROM

emuan DNA babi dalam dua produk Cadbury tersebut apabila Kementerian Kesihatan memaklumkan perkara berkenaan selepas menjalankan ujian terhadap produk berkenaan bagi tujuan pemantauan.

Sementara itu, ketika ditanya mengapa berlaku percanggahan dalam hasil ujian yang dilakukan kedua-dua pihak, Jamil Khir berkata, ada kemungkinan sampel yang diuji makmal Kementerian Kesihatan telah tercemar dari pelbagai sudut.

Beliau tidak menolak kemungkinan makmal kementerian itu juga boleh menemukan DNA babi, namun makmal tersebut tidak diakreditasi untuk menguji DNA.

"Kita tidak menolak makmal kementerian ada ruang untuk menemukan DNA babi tetapi pengesahan yang sah hanya boleh dikeluarkan

melalui makmal di bawah Jakim sahaja dan kita amat hormat usaha Kementerian Kesihatan itu namun sampel yang mereka ambil bukan terus daripada kilang dan mungkin telah berlaku pencemaran sama ada dalam keadaan tidak sengaja atau sebaliknya.

"DNA babi ini sangat mudah untuk tercemar misalnya jika seseorang itu makan daging babi dan bersin pada makanan yang tiada unsur berkenaan, maka makanan itu juga apabila diuji akan terdapat DNA haiwan berkenaan.

"Oleh itu, bagi mengelakkan kekeliruan pada masa depan, pihak lain tidak dibenarkan membuat sebarang kenyataan tentang halal atau tidak sesebuah produk melainkan Jakim yang merupakan jabatan yang ditugaskan berbuat demikian," jelasnya.

Dalam pada itu, Jamil Khir turut menegaskan kerajaan tidak berhasrat menyembunyikan sebarang maklumat berkaitan isu berkenaan

bagi melindungi syarikat Cadbury kerana ia berkaitan soal haram yang merupakan isu sensitif kepada umat Islam.

"Soal haram ini menjadi tanggungjawab dan kewajipan umat Islam untuk menolaknya kerana dosanya terlalu besar untuk kita tanggung dan sebab itu hari ini kita terus maklumkan kepada umum selepas kita menerima keputusan ini pagi tadi.

"Jakim juga telah mewujudkan satu talian bagi membolehkan masyarakat mendapatkan maklumat dengan lebih jelas tentang isu itu memandangkan wujud pelbagai maklumat di media baharu tentang isu ini sehinggalah ada yang mendakwa kod yang bermula dengan 'E' terdapat DNA babi dan sebagainya namun itu adalah tidak benar," katanya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat tentang perkara berkenaan boleh menghubungi di talian 03-8892 5048/8892 5078/8892 5032 dan 8892 5031.

# 'Tanggung dosa besar kalau sembunyi maklumat sebenar'

**Putrajaya:** "Kami tidak berhasrat melindungi apa-apa sebab yang haram tetap haram dan kita bertanggungjawab sampai akhirat, malah menanggung dosa terlalu besar kalau menyembunyikan maklumat sebenar," tegas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Malah, beliau berkata, JAKIM juga tidak melindungi mana-mana pihak

(yang terbabit dalam isu ini) kerana ia tidak mendedahkan sebarang keuntungan kepada jabatan itu dan kerajaan.

"Kita bertanggungjawab melindungi dan menjaga kemaslahatan umat Islam, satu perkara yang saya ingin pesan, apabila sebut mengenai soal halal..bukan sewenang-wenangnya mana-mana pihak boleh memberikan kenyataan dan sebagainya.

"Oleh kerana bahagian halal dijaga JAKIM, jadi JAKIM pihak pemutusnyanya yang menentukan halal atau tidak sesuatu produk selepas mendapatkan pengesahan daripada makmal Jabatan Kimia yang diberi akreditasi untuk membuat kajian serta analisis," katanya pada sidang media di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, dekat sini, semalam.

Turut hadir Ketua Penga-

rah JAKIM Datuk Othman Mustapha dan Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Mohd Roslan Mahayudin.

Kementerian Kesihatan sebelum ini dilaporkan mengesakan dua coklat Cadbury iaitu coklat susu dengan kacang hazel dan coklat susu dengan buah badam mengandungi DNA babi (porcine).

DNA babi dikesan dalam sampel coklat susu dengan kacang hazel bernombor kelompok 200813 M01H12, tarikh luput 13 November 2014 dan coklat susu dengan buah badam bernombor kelompok 221013 N01R11, tarikh luput 15 Januari 2015.

Jamil Khir turut menegaskan JAKIM tidak akan sesekali menyembunyikan maklumat jika sudah menarik balik sijil halal sesuatu produk.

"Konsep mengeluarkan sijil (halal) bukan merangkumi kehalalan produk itu saja, tetapi termasuk kebersihan dari ladang hingga ke meja makan.

"Namun, jika ada unsur bahan campuran lain contohnya pengawet dimasukkan ke dalam sesuatu produk itu melebihi tahap dibenarkan Kementerian Kesihatan, sijil halal produk berkenaan juga akan ditarik balik," katanya.

## Ambil masa kembali yakini produk

### SHAH ALAM

Orang ramai dijangka mengambil masa untuk kembali meyakini produk Cadbury terutama dua kelompok coklat yang sebelum ini dilaporkan mengandungi DNA babi.

Meskipun Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom

semalam menyatakan kajian Jabatan Kimia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mendapati kedua-dua kelompok produk itu tidak mengandungi DNA babi, golongan peniaga di sini memilih untuk bersikap tunggu dan lihat.

Tinjauan mendapati sebilangan mereka masih belum yakin produk Cadbury kembali mendapat sambutan walaupun telah disahkan tiada DNA babi dalam produk berkenaan.

Pengusaha kedai runcit, Jamal Kadir, 55 berkata sejak isu DNA babi



MELVIN HA

mencetuskan kontroversi, bukan dua kelompok itu sahaja yang kurang dapat sambutan malahan jenis coklat lain.

"Kemungkinan pembeli ambil masa untuk yakin semula pada produk ini. Buat masa sekarang, semua jenis coklat keluaran Cadbury tidak di jual di kedai saya.

"Saya masih tunggu kenyataan Jakim yang membenarkan produk ini boleh dijual dan saya akan menjualnya walaupun saya jangka jualan sedikit perlahan," katanya.

Penolong pengurus sebuah syarikat kedai serbanika, Syahida Shamsuddin berkata, semua produk keluaran Cadbury masih dijual kecuali dua kelompok produk yang dikatakan tercemar oleh DNA babi itu.

"Kami memang menjangka kemerosotan jualan disebabkan isu ini tetapi kami dimaklumkan oleh Cadbury

mengenai nombor kelompok sampel coklat yang sebelum ini dikatakan mengandungi DNA babi.

"Pelanggan yang datang beli coklat juga diberikan penerangan mengenai produk-produk lain keluaran syarikat yang sama," katanya.

Peniaga runcit, Fatimah Zahraa, 25, berkata, buat masa sekarang pihaknya tidak akan menjual produk Cadbury.

"Orang awam mungkin sukar menerima kembali coklat ini walaupun telah disahkan tidak mengandungi DNA babi," katanya.

Sementara itu seorang peniaga, Melvin Ha, 44, mengakui jualan produk Cadbury di kedainya mengalami sedikit penurunan namun dia akan terus menjual produk coklat pelbagai jenis itu.

"Saya yakin Cadbury akan dapat sambutan semula. Selama ini pun, ramai beli Cadbury. Saya faham isu ini cukup sensitif kepada orang Islam kerana melibatkan makanan tetapi di pihak peniaga, kami terima ini sebagai cabaran," katanya.

## Dua produk bebas DNA babi

**BANGI** - Dua produk Cadbury yang sebelum ini dilaporkan mengandungi DNA babi disahkan bebas daripada unsur haram itu berdasarkan analisis yang dijalankan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, kedua-dua sampel produk coklat dengan kacang hazel dan coklat susu dengan buah badam diambil dari kilang pengeluaran produk itu di Shah Alam.

"Bukan hanya dua sampel dihantar untuk dianalisis Jabatan Kimia tapi 11 sampel. Keputusan analisis keluar pagi tadi (semalam).

"Keputusan analisis makmal terhadap Cadbury Dairy Milk Hazelnut dengan nombor kelompok 200813 M01H12, DNA babi tidak dikesan. Begitu juga Cadbury Dairy Milk Roast Almond dengan nombor kelompok 221013 N01R11," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Menurutnya, pemeriksaan menyeluruh akan dibuat semula ke atas



**Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapa menunjukkan dua laporan analisis terhadap sampel Cadbury yang disahkan tiada dikesan DNA babi.**

seluruh rantai pengeluaran produk syarikat Cadbury.

"Bagaimanapun, memandangkan perkara ini melibatkan tanggungjawab dan integriti syarikat, pemeriksaan menyeluruh akan dibuat semula.

"Ia akan merangkumi perkara

berkaitan bahan mentah, aliran pemprosesan, penyimpanan, peralatan dan lain-lain bagi memastikan syarikat benar-benar mematuhi piawaian pensijilan halal Malaysia.

"Laporan pemeriksaan menyeluruh akan dibentang semula da-

lam Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Malaysia sebelum Sijil Pengesahan Halal Malaysia dua produk tersebut dikembalikan," katanya.

Jamil Khir turut menegaskan, kerajaan tidak melindungi mana-mana pihak dalam soal halal dan haram di negara ini.

"Kerajaan tidak melindungi mana-mana pihak sebab bukan ringan nak tanggung soal halal haram ini. Kita akan panggil semua pihak untuk menyelaraskan semua perkara. Saya nak tegaskan, hanya Jakim boleh mengumumkan tentang halal, bukan pihak lain," katanya.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan mengesahkan penemuan DNA babi dalam Coklat Susu dengan Kacang Hazel - Cadbury Dairy Milk Hazelnut dengan nombor kelompok (batch no 200813M01H 12) bertarikh luput 13 November 2014 dan Coklat Susu dengan Buah Badam - Cadbury Dairy Milk Roast Almond dengan nombor kelompok (batch no 221013N01R 11 yang bertarikh luput 15 Januari 2015.

## Pihak berkuasa perlu selaras SOP selesai isu halal

**SHAHALAM**-Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) mencadangkan agar satu prosedur operasi standard (SOP) yang selaras digunakan oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan kekeliruan orang awam berhubung isu halal haram sesuatu makanan bagi orang Islam sebagaimana yang berlaku dalam isu DNA babi membabitkan dua produk coklat Cadbury.

Timbalan Presiden Fomca, Muhammad Sha'ani Abdullah berkata, perbezaan keputusan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan **Jabatan Kimia** dengan hasil uji kaji Kementerian Kesihatan yang terdahulu telah mengelirukan orang awam.

Menurut beliau, perbezaan itu berlaku mungkin disebabkan kaedah digunakan Kementerian Kesihatan tidak sama dengan Jakim dan Jabatan Kimia.

"Faktor-faktor tersebut boleh mendorong kepada keputusan yang berbeza, tambah lagi jika sampel bahan itu bukan dari kelompok yang sama seperti yang diuji oleh



MUHAMMAD SHA'ANI

Kementerian Kesihatan sebelum ini.

"Bagaimanapun, kita tak kata bahawa uji kaji Kementerian Kesihatan tidak betul dan uji kaji Jabatan Kimia adalah betul, kerana metodologi digunakan kedua-dua pihak tersebut adalah tidak sama dan akan menghasilkan keputusan berbeza," katanya.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

Datuk Seri Jamil Khir Baharom mengesahkan analisis makmal Jabatan Kimia terhadap kedua-dua produk itu mendapati tiada DNA babi sebagaimana yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan diperolehi daripada sampel coklat yang mereka uji sebelum itu.

Muhammad Sha'ani berkata, Fomca berharap pihak berkuasa dapat menggunakan satu cara atau SOP yang selaras dalam menentukan kadar apa-apa bahan yang dilarang dalam sesuatu produk makanan apabila diuji.

"Keputusan yang hendak dibuat perlu berpandukan kepada satu SOP saja supaya ia

dapat meyakinkan orang ramai," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Dr Maamor Osman berkata, keputusan uji kaji Jakim dan Jabatan Kimia sedikit sebanyak meredakan hati pengguna Islam.

Namun katanya, keputusan itu juga menyebabkan kekeliruan kerana terdapat percanggahan dengan keputusan uji kaji Kementerian Kesihatan sebelum ini.

Beliau berkata, pada masa akan datang sebarang keputusan berhubung isu halal sepatutnya dikeluarkan oleh satu badan atau agensi sahaja.

Menurutnya, Jakim sepatutnya lebih proaktif dan memainkan peranan sejak awal kerana isu membabitkan sesuatu produk itu halal atau tidak adalah di bawah tanggungjawab agensi berkenaan.

"Kita juga berharap kerajaan dapat mewujudkan Akta Produk Halal supaya dapat dijelaskan secara terperinci kepada orang awam berhubung isu terbabit.

"Selain itu, Jakim, Kementerian Kesihatan serta badan industri perlu memberi penjelasan bersama secara berterusan khususnya berhubung bagaimana pengesanan DNA itu dilakukan terhadap sesuatu produk makanan," katanya.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 8**  
**TARIKH : 3 JUN 2014 (SELASA)**

**Cadbury lega  
keputusan  
analisis**

KUALA LUMPUR 2 Jun - Cadbury Confectionery (M) Sdn. Bhd. (Cadbury) lega dengan keputusan analisis makmal **Jabatan Kimia** terhadap dua produk coklat susu syarikat itu yang telah disahkan tiada Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi (*porcine*).

Pengarah Urusan Korporat Cadbury, Raja Zalina Raja Safran berkata, pihaknya melihat keputusan analisis itu sebagai satu perkara yang baik dan dapat mengembalikan kepercayaan pengguna terhadap produk keluaran syarikat tersebut.

"Kami masih belum menerima laporan rasmi daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) namun kami lega dengan keputusan analisis tersebut yang disahkan tidak mengandungi DNA babi," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

## Cadbury lega isu selesai

SHAH ALAM – Syarikat pengeluar produk Cadbury Dairy Milk lega dengan pengumuman Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) semalam yang mengesahkan dua sampel coklatnya yang dianalisis semula Jabatan Kimia, tidak mengandungi DNA babi.

Ketua Hal Ehwal Korporatnya, Raja Zalina Raja Safran berkata, buat masa ini pihaknya masih tidak menerima laporan rasmi daripada Jakim.

"Kami memberi jaminan kepada pelanggan dan pengguna bahawa semua produk kami dilabel dan pengguna boleh menikmati produk keluaran syarikat itu dengan penuh yakin.

"Proses pengilangan kami sentiasa mengikut garis panduan halal Jakim dan mendapat manfaat daripada pensijilan oleh badan itu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Difahamkan, Jabatan Kimia tidak hanya membuat analisis terhadap dua sampel tetapi membuat uji kaji 11 sampel produk Cadbury.

**“ Kami memberi jaminan kepada pelanggan dan pengguna bahawa semua produk kami dilabel dan pengguna boleh menikmati produk keluaran syarikat itu dengan penuh yakin. ” - Raja Zalina**



## Kementerian Kesihatan pertahan keputusan ujian

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan mempertahankan keputusan ujian oleh makmalnya terhadap dua sampel produk coklat susu Cadbury mengandungi DNA babi.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata isu kredibiliti hasil analisa tidak seharusnya timbul kerana semua makmal milik Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kimia mempunyai penanda aras tersendiri.

Beliau berkata, perbezaan keputusan ujian antara makmal Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kimia berlaku kerana kedua-dua pihak menggunakan sampel diambil dari dua lokasi berlainan.

Katanya, kementerian melakukan analisis dengan menggunakan sampel coklat yang diambil dari pasaran, manakala Jabatan Kimia menguji sampel produk dihantar oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terus dari kilang Cadbury di Shah Alam, Selangor.

“  
Perbezaan  
keputusan ujian  
antara makmal  
Kementerian  
Kesihatan dan  
Jabatan Kimia  
berlaku kerana  
kedua-dua pihak  
menggunakan  
sampel diambil  
dari dua lokasi  
berlainan”

**Dr Noor Hisham  
Abdullah**  
Ketua Pengarah  
Kementerian Kesihatan

“Isu sekarang bukan keupayaan makmal kerana setiap makmal mempunyai tanda aras masing-masing tetapi apa yang penting ialah seragamkan tanda aras dan disahkan oleh Jabatan Standard Malaysia agar keputusan boleh diterima pakai oleh semua pihak.”

### Kemungkinan pencemaran DNA babi

“Ada kemungkinan pencemaran DNA babi dalam produk halal di pasaran seperti berlaku dalam kes sampel coklat yang diambil Kementerian Kesihatan sebelum ini,” katanya.

Pada 31 Mei lalu, Kementerian Kesihatan mengesahkan keputusan analisis sampel dua produk coklat – Coklat Susu dengan Kacang Hazel – Cadbury Dairy Milk Hazelnut dan Coklat Susu dengan Buah Badam – Cadbury Dairy Milk Roast Almond mengandungi DNA babi (porcine). Bagaimanapun, satu lagi sampel Coklat Susu – Cadbury Dairy Milk Chocolate dikesan tidak mengandungi bahan itu.

Dr Noor Hisham berkata pihaknya masih menjalankan siasatan bagaimana berlaku pencemaran ke atas sampel coklat Cadbury yang diuji oleh makmal Kementerian Kesihatan.

Kementerian juga akan meningkatkan kerjasama dengan JAKIM dan Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bagi memantau produk halal di pasaran tempatan.

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 19  
TARIKH: 03 JUN 2014 (SELASA)



## Seragam penilaian

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dari segi pemantauan dan menyeragamkan penilaian makmal kepada satu tanda aras disahkan Jabatan Standard Malaysia (Standard Malaysia).

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (*gambar*) berkata, ketika ini setiap makmal tidak diberi tanda aras yang sama dan pengesahan hanya diberikan jabatan berkenaan.

“Sebelum ini Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam sudah mengeluarkan kenyataan awal bahawa kemungkinan berlaku pencemaran terhadap coklat yang diambil dari pasaran (untuk diuji).

“Mungkin juga pencemaran itu adalah kes terencil dan bukannya pencemaran secara besar-besaran (membabitkan banyak produk), jadi kita akan mengeratkan kerjasama dengan JAKIM dari segi pemantauan,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan analisis makmal Jabatan Kimia terhadap dua produk coklat susu Cadbury iaitu coklat susu dengan kacang hazel (Cadbury Dairy Milk Hazelnut) dan coklat susu dengan buah badam (Cadbury Dairy Milk Roast Almond) disahkan bebas DNA babi.

# New test shows no sign of pig DNA

## CHOCOLATE ISSUE:

Jakim to review suspension of halal cert following new data

BALQIS LIM  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**WO Cadbury Confectionery Malaysia chocolate products have been found to be halal after tests by a Chemistry Department laboratory showed no traces of porcine (pig) DNA.

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Jamil Khir Baharom said 11 samples, including Cadbury Dairy Milk Hazelnut and Cadbury Dairy Milk Roasted Almond, were taken from the company's manufacturing plant in Shah Alam and sent to the Chemistry Department on May 26.

He said aside from the two chocolate products in question, four samples were taken from different products from the same processing line and five were raw ingredients, with the potential of being animal-derived.

Jamil Khir said the laboratory in

Petaling Jaya, authorised by the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim) for testing for the purpose of the issuance of halal certificates, is accredited by the Department of Standards Malaysia, based on the MS ISO/IEC 17025: 2005 standard for DNA testing, including for processed food products.

"We received the results this morning and porcine DNA was not detected in products taken directly from the factory," he told a press conference at the Islamic Training Institute Malaysia here yesterday.

He said the results were different from the Health Ministry's report, as it did not take the samples straight from the source, but from the market.

It was previously reported that the ministry had detected porcine DNA in samples of Cadbury Dairy Milk Hazelnut chocolate bars, batch number 200813 M01H12, and Cadbury Dairy Milk Roasted Almond chocolate bar, batch number 221013 NOIR11.

The findings followed random tests carried out by the ministry on products taken from shelves in Perlis and Kedah in February.

"The samples that we took were from the factory itself. The Health Ministry's samples might have been contaminated at the point of sale or somewhere along the transit process," said Jamil Khir.

He said there were many laboratories in Malaysia and the laboratory that carried out the tests for the ministry was not accredited to test for porcine DNA.

"Sometimes, the samples sent by private parties and individuals are reviewed by other laboratories.

"There is bound to be room for contamination, whether in transit or in storage. Sometimes, their origins are also not known."

Jamil Khir said contamination were also bound to occur everywhere, even through a sneeze or the saliva of people who consume pork, as well as from the same storage areas, such as refrigeration units.

He also expressed hope that the latest findings would allay fears among Muslims over the halal status of chocolate products, adding that in the porcine DNA issue, the government would not protect anyone or hide any information, as it would be a sin.

He said Jakim would now review its earlier suspension of halal certification of the two products following the findings of the latest lab results.

"Jakim will also conduct a thorough inspection of Cadbury Confectionery (M) Sdn Bhd's product lines.

"The inspection will cover raw materials, ingredients, process flow, storage, equipment used and



Minister in the Prime Minister's Department **Datuk Seri Jamil Khir Baharom** speaking at a press conference at the Islamic Training Institute, Kuala Lumpur, yesterday. Pic by Azmaidi Abidin

other aspects to ensure their compliance with the halal certification standards.

"A report will be presented at the Malaysian Halal Certification Panel meeting before the halal certificates of the two products can be reinstated."

NST Digital Edition



For video, go to  
[subscription.nstp.com.my](http://subscription.nstp.com.my)

## Not easy to sue Cadbury

BY **LEE CHOON FAI**  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** Even if tests had indeed found porcine DNA in Cadbury products, suing the company for damages will prove to be difficult, tort lawyers said yesterday.

Former Bar Council president Ragunath Kesavan said such claims for compensation are only valid if the plaintiffs can prove that porcine DNA is present in products they have purchased themselves.

"(The) first thing to do is to prove causation, they must get proof that whatever it is they have purchased is contaminated (with porcine DNA).

"It must be what they purchased, what they have consumed and not some test samples.

"You must show that the item you purchased is defective," Ragunath said.

He said the plaintiffs cannot rely on tests run by the Health Ministry as it does not have correlation damages incurred upon them.

The Health Ministry recently detected traces of porcine DNA in Cadbury's "Dairy Milk Hazelnut" and "Dairy Milk Roast Almond" product lines, causing uproar among Muslims.

Some non-governmental organisations threatened to sue Cadbury for damages, retailers discarded the products from their inventory, and some even declared jihad on the company.

However, the Islamic Development Department announced after further tests by the **Chemistry Department** that the products are not contaminated by porcine DNA.

Senior tort lawyer Salim Bashir said since the Chemistry Department had ruled out any contamination, any claims brought forth will be difficult to exercise.

"If there is substantial evidence, then there is a chance it could work, (and) you can sue for special damages.

"But if the Chemistry Department found no porcine DNA, then there is no substance to the claim," he said.

## Analisis Jabatan Kimia Sahkan Coklat Cadbury Tiada DNA Babi - Jamil Khir



Gambar Hiasan

BANGI, 2 Jun (Bernama) -- Analisis makmal **Jabatan Kimia** terhadap dua produk coklat susu Cadbury - Roast Almond dan Hazelnut (badam dan kacang hazel) - disahkan tiada Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata kedua-dua produk yang dianalisis itu adalah daripada kelompok yang sama dengan produk yang disahkan mengandungi DNA babi sebelum ini, tetapi sampel kali ini diambil terus dari kilang pengeluaran produk itu di Shah Alam.

Menurutnya, sampel yang diambil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada 26 Mei lepas untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia itu ialah jenis Roast Almond dengan nombor kelompok (batch no) 221013 N01RI1 dan jenis Hazelnut dengan nombor kelompok 200813 M01HI2.

"Selain itu Jakim turut mengambil empat produk lain dalam aliran pemprosesan yang sama dan lima jenis bahan mentah yang berpotensi mengandungi unsur haiwan," katanya pada sidang akhbar di sini Isnin.

Sehubungan itu beliau berharap keputusan berkenaan akan meredakan kerisauan umat Islam berhubung status coklat itu, memandangkan makmal yang menganalisis sampel itu diperakui Jakim untuk mengesan DNA babi.

Kementerian Kesihatan sebelum ini dilaporkan mengesan dua sampel coklat Cadbury iaitu coklat susu dengan kacang hazel dan coklat susu dengan buah badam mengandungi DNA babi atau porsin.

DNA babi dikesan dalam sampel coklat susu dengan kacang hazel bernombor kelompok 200813 M01HI2, tarikh luput 13 Nov 2014 dan coklat susu dengan buah badam bernombor kelompok 221013 N01RI1, tarikh luput 15 Jan 2015.

Semalam Jamil Khir berkata makmal itu juga diwartakan sebagai makmal makanan yang kompeten dalam menganalisis makanan selain mendapat akreditasi daripada **Jabatan Standard Malaysia** di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia berdasarkan Standard MS ISO/IEC 17025: 2005 bagi pengujian DNA, termasuk pengujian produk makanan terproses.

Mengulas lanjut, beliau berkata sampel yang diambil Kementerian Kesihatan bukan terus dari kilang, dan makmal yang menganalisis juga tidak didedikasikan untuk mengesan DNA babi.

"Banyak makmal yang diwujudkan di Malaysia ini tetapi tidak didedikasikan untuk tujuan kesan DNA babi cuma dalam finding (penemuan)nya mungkin untuk tujuan lain, tapi boleh menemukan unsur itu, tapi yang sah ialah makmal kimia yang diperakui Jakim di Petaling Jaya," katanya.

Beliau berkata sampel yang dihantar mana-mana pihak atau individu juga mudah mengalami pencemaran sama ada semasa proses penghantaran atau pembungkusan.

"Pencemaran mungkin boleh berlaku dari peti ais. Malahan kalau seseorang itu makan makanan yang ada unsur DNA babi dan kemudian bersin di hadapan makanan lain, makanan itu juga boleh tercemar dengan DNA babi," katanya.

Jamil Khir juga menegaskan kerajaan tidak berhasrat melindungi sesiapa dalam hal berkenaan dan tidak pernah menyembunyikan status sebenar.

"Kalau kita sembunyikan maklumat sebenar, terlalu besar dosanya yang perlu kita tanggung," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata pemeriksaan menyeluruh akan dibuat ke seluruh rangkaian pengeluaran produk syarikat Cadbury Confectionary (M) Sdn Bhd merangkumi bahan mentah, aliran pemprosesan, penyimpanan, peralatan dan lain-lain bagi memastikan syarikat itu benar-benar mematuhi pensijilan halal.

Katanya laporan pemeriksaan menyeluruh itu akan dibentangkan sebelum Sijil Pengesahan Halal Malaysia dua produk itu dikembalikan.

Jamil Khir berkata orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan berhubung isu halal termasuk pertanyaan mengenai coklat Cadbury boleh menghubungi Nadia Zammil Md Nasir (03-8892 5048), Najibah Abdul Mutalib (03-8892 5078), Mazlina Jalani (03-8892 5032) dan Fakarudin Mas'od (03-8892 5031 ), mulai 10 pagi hingga 4 petang.

-- BERNAMA



## Pengguna Islam Mahu Prosedur Penentuan Produk Halal Diperhalusi

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Beberapa pengguna Islam menggesa kerajaan mengatasi apa yang dilihat sebagai 'kecelaruan' dalam penentuan status halal produk makanan susulan pengumuman dua produk coklat susu Cadbury, yang sebelum ini dilapor mempunyai Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi, kini disahkan tiada bahan itu.

Mereka mahukan perkara itu diberi perhatian bagi mengelak kegusaran dalam kalangan masyarakat Islam berhubung produk makanan.

Eksekutif swasta, Nurdzuladlina Masehat, 27, berkata perlu ada keseragaman dalam membuat ujian ke atas produk makanan bagi mengelak perbezaan keputusan yang hanya mengelirukan pengguna.

"Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) juga perlu membuat pemantauan mengejut secara lebih kerap ke atas pengilang atau pengusaha yang telah mendapat sijil halal bagi memastikan piawaian halal itu sentiasa dipatuhi," katanya kepada Bernama.

Hari ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata analisis makmal [Jabatan Kimia](#) terhadap dua produk coklat susu Cadbury - Roast Almond dan Hazelnut (badam dan kacang hazel) - disahkan tiada DNA babi.

Kementerian Kesihatan sebelum ini dilaporkan mengesan dua sampel coklat itu mengandungi DNA babi.

Jamil Khir berkata kedua-dua produk yang dianalisis itu adalah daripada kelompok yang sama dengan produk yang disahkan mengandungi DNA babi sebelum ini, tetapi sampel kali ini diambil terus dari kilang pengeluaran produk itu di Shah Alam.

Peniaga, Siti Muzaimah Elias, 39, pula berpendapat kenyataan terbaharu mengenai coklat itu seolah-olah membayangkan status halal di negara ini diperkotak-katikkan.

"Sekejap ada, sekejap tiada (DNA babi). Macam mana tu? Apapun saya beranggapan coklat berkenaan sebagai makanan syubhah, maka saya sekeluarga tidak akan memakannya lagi di masa depan," katanya.

Pemilik pasar raya mini, Zaleha Kasim, 67, berkata pengumuman kerajaan mengenai coklat itu memberi kelegaan kepadanya, namun berharap Jakim perlu meyakinkan pengguna bahawa syarikat pengeluaran produk itu benar-benar mematuhi standard halal yang ditetapkan.

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam (PPIM) Datuk Nadzim Johan berkata terpulang kepada pengguna Islam untuk membuat keputusan susulan pengumuman terbaharu mengenai coklat itu.

"Biarpun telah ada satu keputusan yang dibuat, terpulang kepada pengguna. Kalau masih ragu-ragu, tidak perlu makan," katanya kepada Bernama.

Menurutnya perbezaan keputusan yang dibuat Jabatan Kimia dan Kementerian Kesihatan juga menimbulkan keraguan sedangkan sampel diambil daripada produk keluaran yang sama.

"(Analisis) kena buat dengan teliti, ambil masa tidak apa asalkan pengguna ada satu keputusan jelas terhadap produk," katanya.

Dalam kenyataan berasingan, PPIM berkata boikot pengguna ke atas produk keluaran Cadbury Confectionery Sdn Bhd diteruskan selagi Kementerian Kesihatan tidak menafikan kenyataannya sebelum ini yang mengesahkan kewujudan DNA babi dalam dua produk berkenaan.

Di Labuan, Pengarah Urusan Sky Park Sdn Bhd Datuk Francis Tee berkata jualan coklat berkenaan dikedai-kedainya sedikit terjejas berikutan pengumuman awal yang ia mengandungi DNA babi.

"Namun, kami percaya semuanya akan kembali seperti biasa susulan pengumuman terbaharu hari ini," katanya merujuk kepada kenyataan Jamil Khir.

-- BERNAMA



# Water emergency plan

> Suppliers nationwide prepared to face El Nino

BY **ADRIAN PHUNG**  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** Water operators nationwide have put in place a water supply contingency plan (WSCP) if capacity at dams approach critical levels when the El Nino phenomenon hits the country.

National Water Services Commission (SPAN) chief executive officer Datuk Teo Yen Hua said the operators will activate WSCP to ensure consumers continue getting supply of treated water during the dry spell.

For this to happen, he said, the operators must closely monitor water levels at rivers and dams to ensure there is sufficient raw water to produce drinking water.


"We will also do regular cloud-seeding exercises, especially at water catchment areas," Teo told *theSun*.

Besides these, he said the operators will also embark on additional water supply relief facilities such as water tankers and static tanks, at areas facing water shortage.

These are among the measures put in place by water operators following a meeting with SPAN and the Malaysia Meteorological Department (MMD) early last month.

Teo said the meeting, chaired by MMD, was to brief water operators, including those from Sabah and Sarawak, on what to expect when El-Nino arrives.

"We are fully aware of the risk and impact that El Nino will bring, thus, we have urged all water operators and other relevant stakeholders to be prepared by putting in place some of the monitoring strategies," he added.



File picture of a dam showing low water levels during the dry season recently.

He said alternative sources of raw water are also being explored.

Asked if consumers, especially in the Klang Valley, would be hit again by water rationing, Teo said it would depend on the availability of raw water.

"Raw water resources are under the purview of the state governments. Therefore, they will need to update SPAN on the status of their raw water storage. Only then can we make an informed decision on whether or not to impose water rationing," said Teo.

Meanwhile, a check on the Selangor Water

Management Authority (LUAS) website revealed that the seven dams in the state showed a slight increase in the water level due to continued rainfall over the past few weeks.

The Batu dam recorded the highest water level at 90.23%, followed by Semenyih dam (83.99%), Tasik Subang (82.84%), Sungai Tinggi (70.76%), Klang Gates dam (69.61%), Langat dam (65.60%) and Sungai Selangor dam (42.92%).

Teo advised consumers to be prudent in their water usage to ensure continued supply of treated water.

# Fire Department needs RM70m more for El Nino period

**MALACCA** — The Fire and Rescue Department needs an additional RM70 million allocation to buy equipment and improve the logistics needed to face the El Nino phenomenon.

Its director-general Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim said the department had submitted a request for the additional allocation from the federal government and was preparing

to face the phenomenon forecast to occur in Southeast Asia in the middle of the year.

He said the request had to be made as more forest fires, especially in peat areas, were expected during the period and putting them out required special and up-to-date equipment.

“We have just been through a prolonged drought season which lasted three months

when there were 15,000 fires, and there were many shortcomings, especially involving logistics,” he said.

Prolonged drought associated with El Nino in 1982-1983 and 1997-1997 brought widespread and uncontrollable forest fires which lead to severe transboundary haze in Southeast Asia.

The Meteorological Department had

recently said El Nino could cause a low amount of rainfall, especially in East Malaysia, while the peninsula would be less affected.

The department had advised the public to not conduct open burning, reduce outdoor activities, avoid water wastage and drink plenty of water to keep hydrated. — Bernama



## **Program Pembangunan Usahawan ECER Berjaya Tingkatkan Taraf Ekonomi Usahawan Di Terengganu**

SETIU, 2 Jun (Bernama)-- Program Pembangunan Keusahawanan yang diperkenal Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) ternyata membantu ramai usahawan mengubah hidup mereka dan meningkatkan taraf ekonomi sejak dimulakan pada 2012.

H H Laris Enterprise, sebuah syarikat pengeluar pelbagai jenis sos dan air bikarbonat yang beroperasi dekat Kampung Langkap di sini adalah antara contoh syarikat bimbingan ECERDC yang berjaya dengan rekod prestasi yang cemerlang.

Pemilik syarikat itu merupakan antara 14 usahawan di negeri ini yang mendapat bimbingan secara langsung daripada ECERDC sehingga berjaya menjadi pelopor industri pengeluaran sos dan air bikarbonat di Terengganu.

Pengarah Urusannya Hasmah Hassan, 62, berkata pihaknya menyasarkan jualan sebanyak RM40,000 menjelang akhir tahun ini berbanding RM30,000 tahun lalu.

Mula menceburi dalam perniagaan selepas mengikuti kursus pembuatan sos dan kicap anjuran Risda pada 2000, Hasmah bersama suaminya, Ghazali Yusof, 70, yang ketika itu hanyalah penoreh getah, nekad memulakan hidup baharu selepas itu.

"Sebagai penoreh getah, apalah sangat yang boleh diharapkan dengan pendapatan yang tidak seberapa ketika itu, hanya cukup makan untuk kami dan lima orang anak.

"Namun, dengan tunjuk ajar kakitangan Risda ketika itu, kami nekad memulakan perniagaan sos dan kicap dengan modal hanya RM2,000 dan sejak itulah langkah kami sebagai usahawan diteruskan dengan bantuan pelbagai agensi kerajaan," katanya kepada Bernama Isnin.

Selain Risda, pasangan usahawan warga emas ini turut mendapat bantuan Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu dari segi pembungkusan, pelabelan dan risalah maklumat makanan yang dipasarkan.

Lebih menggembirakan apabila mereka terpilih sebagai usahawan bimbingan ECER dengan kerjasama [Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia \(SIRIM\)](#) mulai 2012.

Hasmah berkata menerusi bimbingan ECERDC, mereka kini lebih yakin dengan produk yang dikeluarkan, apatah lagi mendapat pengiktirafan halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan diiktiraf selamat oleh Kementerian Kesihatan.

"Kami mengikuti pelbagai kursus dengan Sirim di beberapa lokasi termasuk Kota Bharu di Kelantan dan Kuantan di Pahang untuk mendalami selok-belok perniagaan.

"Alhamdulillah, selepas dibimbing ECER ini, kami berjaya menggunakan pelekat jenama 'Laris' pada botol dengan piawaian yang ditetapkan, mendapat pengiktirafan halal Jakim dan pendapatan bulanan meningkat kepada RM32,000," katanya.

Dengan bantuan pekerja seramai empat orang, syarikat ini mampu mengeluarkan sebanyak 1,000 botol sos dan kicap setiap hari yang turut dipasarkan di beberapa pasar raya termasuk Mydin dan kedai runcit seluruh negeri itu.

Seiring ledakan teknologi komunikasi maklumat, mereka turut memasarkan 11 produk keluaran syarikat mereka ini secara dalam talian dan dihantar menggunakan khidmat bas ekspres atau syarikat kurier.

Hasmah berkata sebagai usahawan Bumiputera, beliau sangat bersyukur dengan pelbagai bantuan kerajaan yang diterima setakat ini terutama kepada pihak ECERDC yang telah menyediakan bimbingan khidmat nasihat dari segi pemasaran dan pembangunan produk kepada syarikat untuk terus berdaya maju.

Keenakan sos dan kicap keluaran syarikat ini membuatkan mereka tidak menang tangan memastikan tempahan dapat disiapkan mengikut jadual.

Bagi melicinkan lagi operasi di kilang, pasangan ini dalam perancangan untuk membeli sebuah mesin pemprosesan sos yang baharu selain membesarkan kilang milik mereka di Kampung Langkap dengan anggaran kos RM100,000.

Beliau turut menggalakkan lebih ramai usahawan bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, terutama ECER dalam usaha merangka strategi perniagaan yang lebih besar ke peringkat global.

"Apa yang penting adalah minat dan sikap usahawan itu sendiri, ECERDC hanya sebagai agensi pemudah cara untuk membantu kita sahaja," kata nenek kepada 21 orang cucu ini.

Sejak diperkenalkan pada 2012, program ini telah memberi manfaat kepada 78 syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) di wilayah ECER untuk mencapai kualiti pengeluaran, penjenamaan, pembungkusan, pendaftaran produk yang lebih baik serta pensijilan halal.

Daripada jumlah itu, 14 daripada syarikat tersebut membabitkan IKS di Terengganu dan ECERDC menasihatkan untuk terus memperluaskan program itu kepada 100 usahawan di negeri itu pada tahun ini.

-- BERNAMA

## TPM Biotech tambah kapasiti analisis halal

**Kuala Lumpur:** TPM Biotech Sdn Bhd sudah bersedia untuk menambah kapasiti kegiatan analisis halalnya daripada penggunaan 50-60 peratus sekarang, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ahmad Husni Johari.

Ahmad Husni berkata, makmal sains halal syarikat itu kini mempunyai kepakaran dan teknologi canggih untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan dan menepati piawaian syarat halal tertinggi antarabangsa bagi pengeluaran makanan.

"Kami menyeru lebih banyak pengeluar menghantar sampel mereka bagi analisis menyeluruh pada harga yang berpatutan," katanya.

Berikutan dakwaan DNA babi ditemui dalam satu produk coklat baru-baru ini, TPM Biotech menerima semakin banyak permintaan daripada pengeluar konfeksi dan makanan bagi ujian dan analisis halal, katanya.

Ahmad Husni berkata, syarikat itu membelanjakan RM20 juta bagi dua makmalnya di Taman Teknologi di sini.

"Memandangkan industri makanan kini menjadi semakin kompleks, kami juga ingin bersikap teliti dan menguji kemampuan kami. Syarikat ini mengamalkan prosedur ketat untuk memastikan integriti setiap keputusan," katanya. **BERNAMA**



## TPM Biotech Sedia Tambah Kapasiti Dalam Analisis Halal

Oleh Azizul Ahmad

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- TPM Biotech Sdn Bhd sudah bersedia menambah kapasiti kegiatan membuat analisis halal daripada 50 hingga 60 peratus penggunaan yang ada sekarang, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ahmad Husni Johari.

Beliau berkata makmal sains halal syarikat itu kini mempunyai kepakaran dan teknologi canggih untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan dan menepati piawaian syarat-syarat halal tertinggi antarabangsa bagi pengeluaran produk makanan.

"Kami menyeru lebih banyak pengeluar menghantar sampel mereka bagi analisis menyeluruh pada harga yang berpatutan," katanya kepada BERNAMA.

Berikutan dakwaan DNA babi ditemui dalam produk coklat baru-baru ini, TPM Biotech telah menerima semakin banyak permintaan daripada pengeluar konfeksioneri dan makanan bagi ujian dan analisis halal, katanya.

Ahmad Husni berkata syarikat itu membelanjakan RM20 juta bagi menyediakan dua makmalnya di Taman Teknologi dekat ibu negara.

"Memandangkan industri makanan kini menjadi semakin kompleks, kami akan bersikap lebih teliti dan menguji kemampuan kami. Syarikat ini mengamalkan prosedur ketat untuk memastikan integriti setiap keputusan," katanya.

Ahmad Husni berkata pihak syarikatnya mahu dikenali sebagai pusat rujukan dan setempat bagi pengujian dan pengesahan isu halal, untuk meningkatkan kemampuan Malaysia dalam prosedur dan analisis saintifik halal.

Beliau yakin peserta industri akan lebih selesa berurusan dengan [TPM Biotech, sebuah unit milik penuh Technology Park Malaysia Corp Sdn Bhd, yang merupakan sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.](#)

Sementara itu, Pengurus TPM Biotech, Nor Amin Mohd Nor, berkata makmal syarikat itu mempunyai lima kaedah bagi membuat analisis halal.

Selain analisis biasa ke atas asid dioksiribonukleik (DNA), TPM Biotech boleh melakukan ujian lengkap ke atas 'polipeptida' - bagi produk berasaskan gelatin dan ujian ke atas 'trigliserid' - bagi pengemulsi, katanya.

"Syarikat ini boleh menjalankan ujian dan analisis ke atas bahan ester metil asid lemak bagi produk berasaskan minyak dan lemak, selain menawarkan kit ujian pesat memeriksa makanan dalam tin dan makanan haiwan," kata beliau.

Nor Amin berkata setiap analisis DNA boleh selesai dalam masa tiga hari, manakala empat lagi ujian boleh menghasilkan keputusan dalam masa 24 jam.

--BERNAMA

## Malaysia ada potensi jadi hab biogas Asia

**Kerajaan** merancang menyemak semula insentif ke atas biogas bagi menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor itu, selain merealisasikan rancangan untuk menjadi hab biogas Asia serta menyalurkan lebih banyak tenaga dalam grid tenaga nasional.

Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Bioteknologi Malaysia (**BiotechCorp**), Razwin Sulairee Hasnan Termizi, berkata inisiatif itu akan mendekatkan usaha kerajaan untuk merealisasikan pelan hab biogas Asia dan menyalurkan lebih banyak tenaga ke dalam grid tenaga negara.

“Kajian kami menunjukkan industri biogas akan menyumbang kira-kira RM20 bilion kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

“Namun, sumbangannya masih bergantung kepada kesediaan teknologi dalam tempoh enam tahun akan datang” katanya kepada pemberita pada Forum Biogas Asia Pasifik Ketiga di Kuala Lumpur, semalam.

### Berpotensi besar

Forum tiga hari itu yang berakhir esok, dianjurkan oleh agensi pembangunan industri bioteknologi utama negara, BiotechCorp dan International Clean Energy and Sustainability Network.

Razwin Sulairee sebelum itu berkata, biogas dan subkelasnya dikenal pasti sebagai bahan tumpuan biofuel Malaysia dan adalah kelompok penting dalam Program Transformasi Bidang Ekonomi Utama Negara dan Bioekonomi.

Katanya, Malaysia berpotensi besar menggunakan sumber biogas dari kilang sawit, loji rawatan air, tapak pelupusan dan ladang pertanian.

“Kelebihan bahan mentah biomas mapan negara serta tumpuan kerajaan terhadap teknologi hijau dan tenaga boleh baharu adalah kelebihan strategik negara,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia menggunakan kira-kira 9.0 bilion padu meter gas asli pada tahun lalu.

Katanya, sebanyak 1.9 bilion meter padu yang dihasilkan oleh kilang minyak sawit sahaja menyumbang 24 peratus penggunaan gas Malaysia.

“**Kajian kami menunjukkan industri biogas akan menyumbang kira-kira RM20 bilion kepada pertumbuhan KDNK negara**”

**Razwin Sulairee Hasnan Termizi,**  
Ketua Pegawai  
Operasi Perbadanan  
Bioteknologi Malaysia  
(BiotechCorp)

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 17**  
**TARIKH : 3 JUN 2014 (SELASA)**

# Biogas sumbang RM20 bilion kepada KDNK

KUALA LUMPUR 2 Jun - Industri biogas tempatan dijangka menyumbang kira-kira RM20 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020, melalui penekanan yang diberikan oleh kerajaan terhadap industri tersebut pada masa ini.

Ketua Pegawai Operasi Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp), Razwin Sulairee Hasnan berkata, sumbangan itu adalah sebahagian atau 15 peratus daripada RM150 bilion nilai pelaburan di dalam sektor bioekonomi kepada

KDNK menjelang tempoh yang sama.

Katanya, usaha itu dapat dilihat melalui syarikat-syarikat tempatan yang telah melaksanakan beberapa projek percubaan bagi menjadikan perniagaan berkaitan biogas lebih komersial dan berskala besar, selain dengan bantuan kerajaan yang menawarkan tarif galakkan kepada pemain-pemain industri yang terlibat.

"Kajian oleh BiotechCorp menjangka rantaian industri biogas ini mampu menyumbang sekitar RM20 bilion kepada KDNK. Namun, jang-

kaan itu tetap bergantung kepada kesediaan teknologi dalam tempoh enam tahun akan datang," katanya pada sidang akhbar sempena berlangsungnya Forum Biogas Asia Pasifik Ketiga di sini hari ini.

BiotechCorp sebelum ini telah menasarkannya sektor bioekonomi mampu menyumbang lima peratus kepada KDNK negara pada 2020 atau nilainya RM150 bilion.

Jelas Razwin, kebiasaannya sumbangan sektor itu kepada KDNK negara-negara maju ialah sekitar 10 peratus. Tambahnya, dalam usaha

Malaysia mencapai status negara maju, sumbangan sektor itu perlu ditingkatkan.

Katanya, industri biogas kini lebih terarah kepada penghasilan tenaga untuk dibekalkan kepada sistem gred elektrik negara, bagaimanapun sumbangannya masih kecil.

"Pembangunan industri biogas juga dilihat sebagai satu keperluan tambahan pula Malaysia kini mengalami pembangunan pesat seperti pembukaan kawasan-kawasan komersial, penempatan dan perbandaran baharu," katanya.



# High growth potential in biogas industry

**WASTE-TO-ENERGY PROJECTS:** Bioeconomy set to hit RM150b target by 2020

**OOI TEE CHING**

KUALA LUMPUR

bt@mediaprima.com.my

**M**ALAYSIAN Biotechnology Corp (Biotech Corp) targets Malaysia's biogas industry to achieve RM20 billion in gross domestic product by 2020 from the current infancy state of a handful of biogas plants in Peninsular Malaysia and Sabah hooked to the national power grid.

"We think Malaysia's bioeconomy is able to achieve a target of RM150 billion by 2020 and the biogas sector should make up 15 per cent contribution at RM20 billion," said Biotech Corp chief operating officer Razwin Sulairee Hasnan Termizi.

"We need to capitalise on our natural resources to value add on our bioeconomy initiatives. Biotechnology works at the molecular genetic level in agriculture, healthcare, environment and industry," he said after the opening of the 3rd Biogas Asia Pacific Forum, here, yesterday.

Biotech Corp is the government



*Biotech Corp chief operating officer Razwin Sulairee Hasnan Termizi says Malaysia needs to capitalise on natural resources to value add on bioeconomy initiatives.*

agency under the Ministry of Science, Technology and Innovation tasked to promote commercialisation of biotech industry. It sees biotechnology as the main

driver of bioeconomy.

At its simplest, a bioeconomy describes a future in which people use renewable resources for biofuel and bio-plastics. Instead of an economy dependent on the planet's depleting fossil fuels such as petroleum and coal, one can convert agricultural by-products and livestock waste into electricity, fuels, plastics or even protein-packed animal feed.

Nurturing a bioeconomy by leveraging on our competitive edge of our natural resources, such as oil palm biomass, will ultimately propel Malaysia's socio-economic position to greater heights.

Throughout Malaysia, plantation companies have started the ball rolling by capturing greenhouse gas from mill sludge and turn it into clean energy by investing in biogas plants. These anaerobic digester tanks containing friendly bacteria that feed on organic matter to produce flammable gas and fertiliser.

This flammable gas called biomethane can be compressed into tanks and fed into gas-powered

taxis, public buses and even cooking gas in the kitchen. Alternatively, bio-methane can be fired into engines that generate electricity for Tenaga Nasional Bhd's national grid.

The benefits of waste-to-energy projects by plantation companies are extensive. Since mill sludge is converted into biogas and fertiliser, there is no chance of it entering rivers and polluting them. While the organic fertiliser is ploughed back into the fields, greenhouse gas extracted from the biogas plants is fed into a combined steam and power plant at the mill to generate electricity for the surrounding community in this estate.

Biogas operators that can supply big amounts of electricity to hook up to the national grid and are successful applicants with Sustainable Energy Development Authority will be paid according to the feed-in tariffs.

Malaysia is targeting 500 biogas plants by 2020. This initiative is expected to generate about RM2.9 billion in gross national income and create 2,000 jobs by 2020.

KERATAN AKHBAR  
 THE STAR (BUSINESS) : MUKA SURAT 21  
 TARIKH : 3 JUN 2014 (SELASA)



# From waste to energy

New methods to deal with emissions from landfills

By YIP YOKE TENG  
 teng@thestar.com.my



**A**S A country develops, the amount of waste it creates increases. Rubbish, leachate and industrial waste then become a major headache for the various stakeholders of population centres. Around the world, various methods have been applied to treating waste and its by-products effectively to ultimately achieve sustainability.

This topic is especially pertinent when, in spite of advancements in technology, landfills that do damage to the environment are still the most common way to dispose of waste in the country.

With that in mind, a company has come forward with a waste management solution that can turn unwanted waste into energy.

Ronser Bio-Tech Sdn Bhd is poised to bring the success it achieved in the treatment of palm oil mill effluent (POME) to the management of solid waste and leachate.

Ronser entered into a joint research and development agreement with the Malaysian Palm Oil Board and Shanghai Jiaotong University in 2009. Through the arrangement, the company set up a pilot plant in Labu, Nilai with the capacity to treat 120 tonnes of palm oil mill effluent a day with no discharge.

The plant's operational costs are being borne by Ronser.

The company was granted BioNexus status by Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotechcorp) and received a grant of RM1.68mil from Biotechcorp to assist in the development of the technology.

Ronser's POME Zero Discharge System uses the AnaEG and BioAX technologies invented by Professor Zhang Zhen Jia from Shanghai Jiaotong University.

During a recent press conference, Zhang gave a presentation on the effectiveness of the system that uses the patented Expanded Granular Sludge Bed technology called AnaEG in treating POME.

Also present at the event in Petaling Jaya were Solano chairman Woo Min Fong, managing director Kharussukor Husain, Ronser's

new director Dr Azhar Arif and business development manager Joni Hee. Solano is the majority shareholder of Ronser.

Zhang pointed out that Ronser, through its subsidiary in China, had also completed a large-scale commercial system in the treatment of leachate of 1,000 tonne/day in Shenzhen, China.

"The Shenzhen XiaPing Solid Waste Landfill can treat up to 3,500 tonnes of solid waste daily. The leachate treatment system of this landfill uses the AnaEG technology, and it can treat leachate to reach stringent discharge standards," Zhang said, adding that the system was highly efficient, easy to operate, had low energy consumption and produced low levels of sludge.

"Every tonne of leachate can produce 3.5 to 10 cu metres of biogas, this means 4,900 to 5,800 cu metres of biogas can be produced every day, which in turn can be used to produce 9,000 to 10,000 Kwh of electricity a day.

"After desulphurisation, the biogas is then fed into the generator to produce electricity that can be used to lower the power consumption needed to run the treatment plant," he added.

Woo said the company was making plans to introduce this system in Malaysia and other developing countries.

She added that because the system helped Malaysia move its waste-water-discharge quality to higher standards, the company anticipated high demand for AnaEG and BioAX technologies.

Kharussukor pointed out the need for an effective system in view of waste management and water rationing issues faced by the country.

He highlighted that there were 155 municipal solid-waste disposal sites in Peninsular Malaysia — 73 of which are open dumps, 71 controlled dumps and only 11 sanitary landfills. Untreated leachate has a strong impact on the environment and water quality.

"The formidable complexity and the potent concoction of chemicals in leachate poses great challenges to leachate treatment.

"AnaEG has distinct advantages over other systems currently available because of its compact design, which occupies a relatively small footprint. It boasts the ability to work on higher organic loading rates and variable

hydraulic loads.

"The system also does not emit noise or odour, and the biogas produced can be captured and converted into energy, hence reducing the emission of greenhouse gases to the atmosphere," he added.



1 An open rubbish dump in Perak. There are only 11 sanitary landfill facilities in Malaysia out of a total of 155 solid-waste disposal sites.

2 Zhang giving a presentation on the AnaEG and BioAX technology used to address solid waste and leachate management.

3 (From left) Ronser director Dr Azhar Arif, Solano chairman Woo Min Fong, Professor Zhang Zhen Jia, Solano managing director Kharussukor Husain, and Ronser business development manager Joni Hee are set to offer a new solution to solid waste and leachate management.